

24 MAR 2003

Parlimen-Iraq (Bahas)

AMERIKA DIANGGAP POLIS DUNIA YANG KEJAM

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq membuktikan negara itu sekali lagi bertindak seolah-olah ia "polis dunia" yang kejam dan hanya mengutamakan kepentingan diri sendiri, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"Mereka sanggup mengorbankan keamanan dan kestabilan dunia demi mencapai kepentingan mereka," katanya di Dewan Rakyat ketika menyokong usul Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengutuk tindakan ketenteraan secara unilateral oleh Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq.

Dr Ling, yang juga Presiden MCA, berkata Amerika Syarikat dan sekutunya langsung tidak menghiraukan suara dan desakan dunia, lantaran mempunyai kuasa ketenteraan yang terbesar di dunia, dan secara terang-terangan menggunakan kuasa ketenteraan untuk memusnahkan negara yang tidak sehaluan dengan mereka seperti Iraq.

"Sekiranya ancaman seperti ini tidak dikutuk habis-habisan dan dihentikan, kedamaian dan kedaulatan sesebuah negara tidak lagi terjamin, dan negara-negara lemah akan ditindas dan dianiayai oleh kuasa besar dengan kekerasan dan peperangan," katanya.

Beliau berkata peperangan terhadap Iraq telah menimbulkan kebimbangan terhadap kestabilan, keselamatan serantau dan risiko meningkatnya aktiviti penganas di seluruh dunia, sekaligus turut melemahkan ekonomi dunia yang semakin meruncing.

Dr Ling berkata MCA menyokong sepenuhnya pendirian kerajaan Barisan Nasional untuk menentang sebarang pencerobohan terhadap mana-mana negara berdaulat.

"MCA menyeru semua pihak yang terlibat dalam peperangan di Iraq segera kembali ke meja rundingan untuk berdamai demi untuk kepentingan dunia. MCA bersimpati dengan rakyat Iraq yang sebelum ini telah menanggung derita dan kesusahan selama 12 tahun akibat sekatan ekonomi sejak Perang Teluk," katanya.

Serangan besar-besaran Amerika Syarikat itu telah membawa kemusnahan harta benda, kehilangan jiwa, kecederaan dan penderitaan serta kesengsaraan kepada rakyat Iraq, kata Dr Ling.

Naib Pengerusi DAP Dr Tan Seng Giaw pula Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dipulihkan akibat kuasa yang telah dirampas oleh Amerika Syarikat dan mendesak negara itu untuk menghentikan serangan terhadap Iraq.

"Setakat ini Amerika dan para pengikutnya tidak mengendahkan bantahan seluruh dunia termasuk China, Jerman, Perancis dan Rusia. Kita berpegang kepada penyelesaian masalah secara aman. Saya percaya peperangan di Iraq boleh dielakkan," katanya.

Beliau berkata masyarakat dunia kini tidak dapat menerima Amerika sebagai kuasa unipolar yang menunjuk keangkuhan dan pencerobohan dengan menggunakan peperangan untuk memusnahkan dan menindas negara kecil.

"Amerika Syarikat menganggap Presiden Saddam Hussein sebagai diktator yang paling dahsyat dan kejam di zaman moden ini. Walau apapun pendapat umum, adalah wajar bagi rakyat Iraq mencari jalan sendiri yang sesuai untuk mengatasinya," kata Tan.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) berpendapat PBB dan piagamnya kini sudah tidak mencerminkan kedewasaan pemikiran dan tindakan di kalangan beberapa anggota pelopornya.

"Sebab itulah Amerika Syarikat yang memainkan peranan penting dalam

mempelopori penubuhan dan penggubalan Piagam PBB, kini kelihatan seolah-olah tidak lagi menghormati seluruh ideal dan prinsip yang termaktub dalam piagam berkenaan.

"Sebab itulah juga, Amerika Syarikat dan sekutu utamanya, kini kelihatan seolah-olah tidak langsung menghormati PBB sebagai badan dunia yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan keamanan sejagat," katanya.

Katanya serangan Amerika Syarikat dan sekutunya itu adalah penindasan yang bercanggah dengan Piagam PBB dan merupakan perbuatan yang mencabul keluhuran undang-undang antarabangsa serta bertentangan dengan prinsip keselamatan, keamanan, kesaksamaan dan kemanusiaan sejagat.

"Serangan tersebut membuktikan bahawa Amerika Syarikat dan sekutunya seolah-olah sengaja memeralatkan usaha memerangi keganasan antarabangsa untuk menghalalkan cita-citanya mendominasi dunia dan untuk menghalalkan hasratnya menegakkan hagemoni politik, ekonomi dan ketenteraannya di beberapa wilayah startegik di dunia termasuk di Asia Barat," kata Ruhanie.

Beliau berkata tindakan yang telah diambil itu secara jelas menunjukkan bahawa Amerika Syarikat dan sekutunya sebagai negara yang tidak menghormati kuasa dan kewibawaan PBB.

"Mereka juga negara yang tidak memelihara dan mempertahankan Piagam PBB," katanya.

Ruhanie berharap tindakan ketenteraan tanpa restu PBB itu segera disekat dan dihentikan kerana ia merupakan trend yang bahaya kepada survival, kesejahteraan, keselamatan dan keamanan dunia di masa akan datang.

"Serangan itu bukannya untuk memusnahkan senjata pemusnah besar-besaran, membebaskan rakyat Iraq atau untuk mempertahankan dunia kononnya dari bahaya yang besar. Serangan itu adalah untuk membolehkan Amerika Syarikat dan sekutunya melaksanakan dasar neo-imperialisme masing-masing.

"Ia juga membolehkan mereka mempamer dan mengiklankan kepada dunia tentang kecanggihan persenjataan moden keluaran mereka, untuk membolehkan syarikat petroleum gergasi Amerika Syarikat dan Britain menguasai sepenuhnya minyak di Asia Barat," katanya.

Ruhanie berkata bahawa secara tidak langsung ia memberi amaran kepada negara yang tidak sehaluan dengan Amerika supaya sentiasa akur dan menyokong kehendaknya setiap masa.

Teresa Kok (DAP-Seputeh) turut menyokong Dr Mahathir yang mahukan semua pihak menghentikan kenyataan yang menyifatkan serangan terhadap Iraq itu sebagai serangan negara bukan Islam terhadap negara Islam.

"Ramai rakyat di negara barat telapun mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran di negara masing-masing. Perhimpunan beramai-ramai anti-perang ini menunjukkan bahawa perang ini bukannya perang antara orang bukan Islam terhadap orang Islam," katanya.

Beliau juga mahu kerajaan dan Dewan Rakyat mendesak Majlis Keselamatan PBB untuk mengadakan mesyuarat tergepang dan menghantar pasukan dari badan dunia itu ke Iraq, di samping mengadakan Sidang Khas PBB untuk menghentikan serangan terhadap Iraq itu.

Kok juga mencadangkan kepada kerajaan supaya mewujudkan Tabung Khas yang membolehkan rakyat negara ini menyalurkan bantuan dan menunjukkan rasa tanggungjawab dalam membantu mangsa serangan.

Nasharuddin Md Isa (PAS-Yan) turut mencadangkan supaya diwujudkan tabung amal yang dikenali Tabung Kanak-Kanak Sedunia yang akan bertindak sebagai pusat untuk mendapatkan derma dan bantuan dari negara-negara seluruh dunia untuk membantu kanak-kanak Iraq yang menderita kesakitan dan trauma akibat peperangan.

Beliau meminta kerajaan menunjukkan ketegasan sebagai pengerusi NAM dengan meminta Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk mengambil langkah

lebih serius untuk menamatkan peperangan itu.

Nasharuddin berharap kerajaan tidak menerima sebarang bentuk kerjasama dengan Amerika Syarikat sebagai tanda bantahan.

Datuk Mohd Zin Mohamed (BN-Shah Alam), yang juga Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, pula mahukan semua negara Islam memikirkan langkah-langkah yang boleh sedikit sebanyak melumpuhkan ekonomi Amerika Syarikat seperti penggunaan Dinar Emas dan mengurangkan pergantungan terhadap dollar.

"Penggunaan Dinar Emas dan mengurangkan pergantungan terhadap dollar Amerika Syarikat sedikit sebanyak boleh mengurangkan jurang ekonomi antara negara-negara Islam dengan kuasa ekonomi itu," katanya.

Mohd Zin berkata serangan itu sedikitpun tidak menjejaskan kestabilan nilai dollar, sebaliknya ia lebih mengukuhkan nilainya.

"Dengan lebih US\$100 bilion digunakan oleh negara itu dan sekutunya untuk berperang dengan defisit yang berlaku di Amerika itu, sepatutnya nilai dollar menjadi lemah. Sebaliknya dollar menjadi lebih kukuh," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar kemudian menggulung perbincangan bagi pihak Perdana Menteri.

-- BERNAMA

FA FA MAI